

01/07/2003

Pengunduran Moggie langkah elak krisis lebih teruk PBDS

Misiah Taib

PARTI Bansa Dayak Sarawak (PBDS) bergolak lagi. Kali ini ia dikatakan mencapai kemuncaknya sehingga memaksa presiden parti, Datuk Amar Leo Moggie, melepaskan jawatan yang disandangnya sejak 20 tahun lalu.

Keputusan mendadak Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia itu mungkin

mengejutkan banyak pihak terutama di Semenanjung tetapi tidak di kalangan

pemerhati politik di Sarawak.

Ini dikatakan kerana keretakan yang berlaku dalam PBDS sejak pemilihan parti itu pada 2000 sebenarnya tidak pernah pulih, sebaliknya terus menular ibarat barah.

Moggie sendiri yang menang tanpa bertanding pada pemilihan tiga tahun lalu, sedaya upaya telah cuba meminta ahli parti merapatkan barisan, terutama dua kumpulan yang berpecah - 'Team Tajem' yang diketuai

Timbalan

Presiden, Datuk Seri Daniel Tajem, dan 'Team Dr Masing' yang diketuai Menteri Pembangunan Sosial dan Urbanisasi Sarawak, Datuk Seri Dr James Masing.

Perkembangan terkini dalam PBDS dianggap sebagai kemuncak kepada krisis

kepemimpinan parti dan yang terburuk pernah berlaku dalam sejarah PBDS.

Difahamkan, sebelum peletakan jawatan Moggie - daripada 32 ahli Majlis Tertinggi dalam PBDS - kedua-dua 'team' masing-masing memiliki sokongan 16 ahli MT, yang memungkinkan kepemimpinan parti dijatuhkan dengan majoriti tipis jika muncul undi tidak percaya.

Sumber-sumber memberitahu, beberapa hari sebelum Moggie mengumumkan peletakan jawatannya, satu perjumpaan diadakan di Kuching oleh penyokong salah satu kumpulan terbabit yang dikatakan telah membuat keputusan yang boleh membawa kepada berlakunya krisis kepemimpinan terburuk dalam masa terdekat.

Moggie sendiri dikatakan memaklumi perkara itu sejak 23 Jun lalu tetapi

menunggu sehingga mesyuarat Kabinet, Rabu lalu, untuk memaklumkan keputusannya mengundur diri daripada menerajui PBDS kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Pengerusi Barisan Nasional

(BN) dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sumber dalaman parti memberitahu, pengunduran Moggie adalah langkah taktikal bagi mengelak kemungkinan krisis kepemimpinan.

Tidak hairanlah Moggie yang memang terkenal dengan sikap 'lebih suka berahsia' enggan mengulas tindakannya itu selain hanya berkata "ia cerita

lama, bukan cerita baru".

Andainya disorot, Moggie pernah mengumumkan tahun lalu bahawa beliau akan mengundurkan diri pada 2003.

Cuma rentetan perkembangan terkini yang berlaku dalam parti yang menentukan tarikh sebenar peletakan jawatan beliau dan takdir telah menetapkan tarikhnya pada 25 Jun 2003.

"Bagi saya, saya sudah membuat keputusan untuk meletak jawatan (sebagai Presiden PBDS) sejak dulu lagi. Tidak ada apa yang baru.

"Saya sudah menghantar surat peletakan jawatan kepada setiausaha agung parti, Stanley Ajang Batok. Tak ada cerita lain... itu saja. Yang lain saya tak mahu komen," kata Moggie ketika ditemui di Kuala Lumpur.

Ditanya mengapa beliau tidak menunggu sehingga pemilihan parti yang dijadualkan pada 26 dan 27 Julai ini untuk meletak jawatan, Moggie berkata ini adalah masa terbaik untuk berbuat demikian.

"Sekarang adalah masa terbaik bagi saya... lebih awal daripada waktu pemilihan," katanya.

Moggie juga enggan mengulas ketika ditanya tidakkah tindakan beliau itu akan menyebabkan berlakunya perpecahan lebih buruk dalam PBDS.

Susulan tindakan Moggie itu, Tajem mengambil alih jawatan presiden berkuat kuasa serta-merta seperti ditetapkan dalam perlembagaan parti.

Berikutan peletakan jawatan Moggie, 10 ahli MT yang beliau lantik turut digugurkan dan Tajem melantik semula tiga daripada mereka, iaitu Setiausaha Agung, Stanley Ajang; Bendahari Agung, Joseph Salang, serta Paul Kadang yang kini mengambilalih tugas Dr Masing sebagai Ketua Penerangan.

Tujuh yang digugurkan ialah Dr Masing; Menteri Muda Pelancongan, Dublin Unting Ingkot; Ahli Parlimen Hulu Rajang, Billy Abit Joo; Ahli Parlimen Sri Aman, Jimmy Donald; Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kakus, John Sikie Tayai, Sim Lai Ann dan Assan Ngang.

Tajem sudah mengumumkan enam anggota baru yang dilantik menggantikan mereka, iaitu Brandan Bujang, Presley Siros, Stephen Randie Sekalai, Kisun Munang, Juro Brauh, Ruis Jugah dan Mathew Sendal. Seorang lagi MT yang dilantik akan diumumkan kemudian.

Jika ditoleh ke belakang, khususnya pada Oktober 2000, kira-kira dua bulan selepas perhimpunan agung parti, PBDS pernah dilaporkan dilanda krisis kepemimpinan paling buruk - ketika itu ia dikaitkan dengan dua pemimpin teratas parti, iaitu Moggie dan Tajem.

Perebutan jawatan bagi semua kerusi penting dalam parti ketika itu, kecuali presiden yang menang tanpa bertanding, menyaksikan permulaan kepada bibit perpecahan.

Ia dikatakan ditunjangi perebutan bagi jawatan nombor dua dalam parti, yang menyaksikan Tajem selaku penyandang dicabar oleh Dr Masing (ketika itu Naib Presiden PBDS).

Keadaan ini membawa kepada wujudnya `Team Tajem' dan `Team Dr Masing'. Nasihat presiden selepas pemilihan parti ketika itu supaya semua ahli merapatkan kembali barisan, selepas kemenangan berpihak kepada `Team Tajem' seolah-olah tidak dipedulikan.

Rentetan daripada itu juga, bahang perpecahan di dalam parti semakin ketara, dengan pemimpin atasannya jelas tidak `sebulu' dalam membuat keputusan, termasuk berhubung pelantikan 10 anggota MT yang dilantik pada Oktober 2000.

Moggie mengambil masa lebih dua bulan untuk mengumumkan senarai 10 anggota MT terbabit dan sebaik nama mereka diumumkan pada 6 Oktober 2000

dan disiarkan media pada 7 Oktober, 'Team Tajem' memanggil mesyuarat tergepang kerana kurang senang dengan pelantikan berkenaan, apa lagi MT yang dipilih tidak dimaklumkan terlebih dulu mengenainya.

Semua MT yang dilantik Moggie selepas itu dikatakan 'Team Dr Masing'. Selepas itu, suara-suara bantahan terhadap pelantikan 10 MT itu senyap seketika dan dalam masa sama semua anggota 'Team Dr Masing' turut dikekalkan dalam kabinet Sarawak.

Baik Moggie, 62, mahupun Tajem, 67, kedua-duanya orang lama dalam PBDS yang bersama-sama mengasaskan penubuhan parti itu pada Ogos 1983 berikutan perpecahan dalam Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) pada mesyuarat agung Disember 1981.

Moggie kalah kepada Datuk Amar James Wong dalam perebutan jawatan presiden Snap dalam pemilihan 1981 tetapi dilantik sebagai naib presiden parti itu.

Namun, pada 1983, Moggie meletak jawatan daripada Snap dan menubuhkan PBDS serta dilantik sebagai presiden PBDS pada 26 Julai 1983 dan memegang jawatan itu sehingga Rabu lalu.

Tajem yang menjadi timbalannya sejak parti itu ditubuhkan, adalah seorang peguam yang pernah menjadi Timbalan Ketua Menteri Sarawak di antara 1980 hingga 1987 dan dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke New Zealand mulai 17 Julai 1995 hingga 16 Julai 2000.

Dr Masing dan Naib Presiden PBDS, Datuk Sng Chee Hua, dikatakan sudah menyatakan hasrat merebut jawatan nombor satu dan dua dalam parti itu pada pemilihan hujung bulan ini. Mereka dijangka dicabar Tajem sendiri dan Joseph Salang.

Persoalannya sekarang ialah kedudukan Moggie sendiri - sama ada menyokong 'Team Tajem' atau 'Team Dr Masing'? Ini kerana apa juga keputusan beliau dikatakan boleh mempengaruhi keputusan pemilihan hujung bulan ini.

Dr Masing sendiri dikatakan enggan menerima pelucutan pelantikan sebagai

MT dan berikrar akan terus berkhidmat kepada parti manakala Tajem berjanji akan menjalankan sebaik mungkin amanah parti berlandaskan semangat BN.

Bagi BN Pusat, krisis yang melanda PBDS perlu diselesaikan oleh parti itu sendiri dan tidak seharusnya dibiarkan melarat hingga boleh menggugat keutuhan BN, apa lagi pilihan raya umum semakin hampir.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat, berkata BN Pusat menyerahkan sepenuhnya kepada PBDS untuk menyelesaikan masalah dalaman parti dan tidak akan campur tangan.

Justeru, beberapa pemimpin PBDS sendiri juga berharap supaya kerajaan BN pada peringkat negeri mengambil sikap sama - tidak memihak kepada mana-mana 'team' dan menghormati keputusan perwakilan, khususnya 120,000 ahli PBDS di seluruh Sarawak.

Harus diingat, PBDS ditubuhkan sebagai serpihan kepada Snap dan Snap sendiri telah dibatalkan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan pada 5 November tahun lalu berikutan kegagalan pemimpin yang bertelagah menyelesaikan masalah dalaman parti.

Berikutan itu, sebahagian besar pemimpin Snap diketuai bekas Naib

Presidennya, Datuk William Mawan Ikom, menubuhkan Parti Demokratik Maju Sarawak (SPDP) yang kemudian diterima sebagai anggota BN pada 7 Januari lalu.

Sejarah PBDS juga pernah menyaksikan ia meninggalkan BN negeri pada 1987

dan bekerjasama dengan pembangkang dalam peristiwa 'Ming Court' untuk menjatuhkan Tan Sri Abdul Taib Mahmud tetapi gagal.

Selepas tewas teruk pada pilihan raya negeri 1991, PBDS memohon kembali

ke pangkuan BN negeri dan hanya diterima secara rasmi pada 31 Mei 1994.

Apakah ada kemungkinan krisis terkini dalam PBDS ini akan menyebabkan parti itu mengalami nasib yang sama dengan Snap jika masing-masing membentuk barisan kepemimpinan sendiri?

BN Sarawak yang dianggotai Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti

Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), PBDS dan SPDP tentunya tidak sanggup berhadapan dengan masalah, ketika BN di setiap negeri sibuk membuat persiapan menjelang pilihan raya umum.

Semua 28 kerusi Parlimen selain 61 daripada 62 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di Sarawak kini dipegang oleh BN. PBDS sebagai parti komponen

ketiga terbesar di negeri itu mewakili tujuh kerusi DUN dan lima kerusi Parlimen.

Peringatan Setiausaha Agung BN supaya PBDS menangani sebaik mungkin krisis dalaman parti umpama menarik rambut dalam tepung dan tidak membiarkan ia melarat sehingga menggugat keutuhan BN.

Sejarah dan pengalaman telah mematangkan pemimpin PBDS dan Tajem sebagai pengemudi parti sekurang-kurangnya sehingga pemilihan hujung bulan ini, perlu membuat percaturan bijak demi PBDS dan BN secara keseluruhannya.